



**JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

**GARISPANDUAN DAN KAEDAH PERLAKSANAAN BONGGOL JALAN
(*ROAD HUMP*) DAN LAIN-LAIN PERABOT JALAN YANG BERKAITAN
DI KAWASAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

BORANG JPB/GPKPB

**BORANG PERMOHONAN MEMBINA/MEMBUKA BONGGOL JALAN (*ROAD HUMP*)
DAN LAIN-LAIN PERABOT JALAN YANG BERKAITAN DI DALAM KAWASAN
TAMAN PERUMAHAN DI SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**BORANG PERMOHONAN UNTUK MEMBINA/MEMBUKA BONGGOL JALAN (ROAD HUMP)
DAN LAIN-LAIN PERABOT JALAN YANG BERKAITAN DI DALAM KAWASAN TAMAN
PERUMAHAN DI SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

BUTIRAN PEMOHON:

NAMA PERSATUAN PENDUDUK / PERBADANAN PENGURUSAN(JMB) /JKKK / DLL :

.....
.....

NAMA :

NO K/P :

JAWATAN :

ALAMAT :

.....

.....

NO TEL :

H/P :

EMAIL :

BUTIRAN TEMPAT/LOKASI PERMOHONAN:

ALAMAT/LOKASI PERMOHONAN BONGGOL :

.....

.....

TANDATANGAN PEMOHON :

PERINGATAN:

Permohonan perlu disertakan dengan:

- i. Surat permohonan resmi daripada Persatuan Penduduk
- ii. Pelan tapak / lokasi permohonan seperti lampiran *JPB/GPKPB (B)*
- iii. Senarai nama/penyataan persetujuan majoriti 80% daripada penduduk/pemilik unit kediaman setempat (Taman Perumahan disertakan dengan tanda tangan penduduk/pemilik unit yang sah. (*sila rujuk contoh format Senarai nama/penyataan persetujuan seperti Lampiran JPB/GPKPB (A)*))

*Bina () / Buka ()

*Tandakan () bagi yg berkenaan

Bahagian di bawah ini adalah untuk diisi oleh Pejabat Cawangan DBKL mengikut Kawasan Parlimen

MELALUI PEJABAT CAWANGAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR / KAWASAN PARLIMEN


Pejabat Cawangan DBKL Kawasan Parlimen : (Nama Kawasan Parlimen yang berkaitan)	Tandatangan & Cop Pejabat Cawangan : Tarikh
Nama Pegawai Pejabat Cawangan :	

Diterima oleh JPB : _____ Tarikh : _____

1.0 SYARAT PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN

- 1.1 Bagi permohonan yang melibatkan kawasan tumpuan awam seperti masjid, surau atau rumah ibadat, dewan, sekolah, jalan-jalan di kawasan padang, taman permainan kanak-kanak, tempat rekreasi, tadika dan lain-lain perlu memohon kepada Jabatan Pengangkutan Bandar untuk mendapat kelulusan membina bonggol melalui surat rasmi samada melalui persatuan penduduk, jawatankuasa masjid/surau/rumah ibadat, pihak sekolah, persatuan atau agensi yang berkaitan.
- 1.2 Bagi permohonan yang melibatkan kawasan taman perumahan awam, perlu mengisi dengan lengkap borang "**JPB/GPKPB**" (*BORANG PERMOHONAN UNTUK MEMBINA/MEMBUKA BONGGOL JALAN DAN LAIN-LAIN PERABOT JALAN YANG BERKAITAN DI DALAM KAWASAN TAMAN PERUMAHAN DI SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR*) yang boleh didapati dari Jabatan Pengangkutan Bandar atau Pejabat Cawangan DBKL yang berhampiran dan hendaklah dikemukakan melalui surat rasmi oleh Persatuan Penduduk yang berdaftar/Perbadanan Pengurusan (*JMB*) /MPKK atau badan-badan lain yang dilantik oleh kerajaan melalui Pejabat Cawangan DBKL di kawasan Parlimen yang berkaitan.
- 1.3 Borang permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan pelan tapak atau lokasi di mana kedudukan bonggol jalan yang dicadangkan serta dokumen-dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di dalam borang tersebut.
- 1.4 Hanya permohonan yang lengkap bersama dokumen sokongan yang diperlukan disertakan dengan senarai nama, alamat, nombor telefon dan tandatangan penduduk dengan persetujuan majoriti 80% sahaja yang akan dipertimbangkan.
- 1.5 Sebarang permohonan yang dibuat secara individu dan tidak mengikut syarat-syarat permohonan **tidak akan dilayan**.
- 1.6 Pihak Jabatan akan mengaturkan satu lawatan bersama wakil dari pejabat cawangan DBKL bagi kawasan parlimen yang berkaitan dan juga wakil dari pihak pemohon jika berkenaan dan pertimbangan akan dibuat merujuk kepada Garispanduan dan Kaedah Perlaksanaan Bonggol Jalan yang dikuatkuasakan oleh jabatan ini.
- 1.7 Jabatan akan memanggil pihak kontraktor untuk melakukan kerja-kerja penandaan dan seterusnya pembinaan bonggol dilaksanakan sehingga selesai sepenuhnya.
- 1.8 Sekiranya terdapat aduan/permohonan dari penduduk untuk membuka semula bonggol atau lain-lain perabot jalan yang telah dibina seperti yang telah dipersetujui dan diluluskan semasa permohonan rasmi oleh pihak penduduk sebelumnya, pihak pengadu perlu memohon secara rasmi dengan mengisi borang yang sama dengan persetujuan majoriti 80% untuk membolehkan bonggol/perabot jalan sediaada dibuka semula dan sebarang permohonan untuk binaan bonggol/perabot jalan berkaitan selepas itu tidak akan dipertimbangkan.

2.0 CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN



i) Bagi kawasan taman perumahan permohonan perlu mengemukakan surat resmi kepada JKPB melalui Persatuan Penduduk bersama borang **JPB/GPKPB** yang diisi dengan lengkap bersama pelan lokasi dan lampiran persetujuan majoriti 80% dari penduduk.

ii) Bagi kawasan/tumpuan awam seperti sekolah, masjid, surau/rumah ibadat, dewan, taman permainan, tempat rekreasi, tadika dll, permohonan perlu mengemukakan surat resmi kepada JPB samada melalui persatuan penduduk, jawatankuasa masjid/surau/rumah ibadat, pihak sekolah/PIBG, persatuan atau agensi yang berkaitan.

i) Butiran siasatan tapak beserta pelan lokasi dan gambar-gambar berkaitan.

ii) Cadangan tindakan kepada Jurutera untuk komen dan pengesyoran jurutera merujuk kepada garis panduan jabatan.

3.0 KRITERIA DAN SYARAT PEMBINAAN BONGGOL JALAN

- 3.1 Lokasi yang diberi keutamaan adalah jalan-jalan yang berhampiran kawasan tumpuan awam seperti masjid, surau atau rumah ibadat, dewan, sekolah, jalan-jalan di kawasan padang, taman permainan kanak-kanak, tempat rekreasi, tadika dan lain-lain.
- 3.2 Hadlaju jalan 30km/j - 60km/j
- 3.3 Jalan-jalan di kawasan perumahan yang menjadi penyambung kepada jalan utama dan jalan pintas yang sibuk seperti jalan yang menghubungkan dua taman perumahan
- 3.4 Jalan Bandaran (jalan dalam taman perumahan) dan jalan yang tidak menyambungkan di antara Jalan Negeri/Jalan Persekutuan
- 3.5 Berdekatan dengan lampu jalan sediada
- 3.6 Jarak di antara bonggol sediada yang bersesuaian (Minimum jarak 100m antara 2 bonggol)
- 3.7 Tidak terdapat petak tempat letak kereta di kiri atau kanan jalan atau keduanya bagi cadangan bonggol "Type 1" kecuali pertimbangan khas kepada "Road Bump" (Type 2) – *rujuk per: 6.4*
- 3.8 Hanya untuk Jalan 2 lorong 2 hala dan tiada kerb/pembahagi jalan kecuali pertimbangan khas kepada cadangan "Road Bump" (Type 2) – *rujuk per: 6.4*
- 3.9 Tiada bonggol dibenarkan di jalan utama dengan rezab jalan 20.1m (66 kaki) lebar atau lebih
- 3.10 Tiada bonggol dibenarkan di jalan yang panjangnya kurang 200m
- 3.11 Tidak boleh di persimpangan (minimum 10m)
- 3.12 Tiada bonggol dibenarkan untuk jalan yang curamnya melebihi 8%;
- 3.13 Tiada bonggol dibina di kawasan larian air (air bertakung)
- 3.14 Tiada bonggol dibina di laluan utama kenderaan kecemasan (ambulans, bomba)
- 3.15 Tiada bonggol dibina pada kawasan selekoh

4.0 SPESIFIKASI BONGGOL DAN ROAD BUMP (SPEED BUMP) DBKL

4.1 Terdapat dua (2) jenis Bonggol Jalan berdasarkan Traffic Calming Guideline

- a) Road Hump – (Speed Table/Hump) - **Type 1**
- b) Road Bump – (Speed Bump) - **Type 2**

4.2 Aplikasi Rekabentuk **Bonggol (Road Hump/Speed Table) - Type 1**

- a) Tinggi bonggol (Road Hump) : 100 mm
- b) Lebar bonggol (Road Hump) : 3.5 m

4.3 Jadual spesifikasi **Bonggol (Road Hump/Speed Table) - Type 1**

Bahan Digunakan	Ukuran	Papan Tanda/ Tandaan Jalan
Asphaltic Premix Wearing Course	Permukaan Bulat (Round-Top) Permukaan Rata (Flat Top) Lebar : 3.5 meter Tinggi : 100 mm (at the mid Points and transition at both ends) Jarak : min 100m (between bump to bump, min 10m from road Junction)	WD50–ROAD BUMP TANDAAN JALAN WARNA KUNING

4.4 Aplikasi Rekabentuk **Road Bump (Speed Bump) - Type 2**

- a) Pemasangan di jalan satu atau dua lorong sehalu
- b) Tidak sesuai di kawasan persimpangan
- c) Sesuai digabungkan dengan penanda jalan "speed breaker"
- d) Hanya sesuai di kawasan parkir atau di kawasan jalan yang ada petak parkir samada disebelah bahagian jalan atau di kiri dan kanan jalan
- e) Keadaan Trafik : Had laju limit 25 –50 km/j
- f) Ketinggian Road Bump (Speed Bump) : 75 mm (< 100 mm)
- g) Lebar Road Bump (Speed Bump) : 1 meter (<1.5 meter)
- h) Penurunan Hadlaju : 8 km/j –15km/j

4.5 Jadual spesifikasi Road Bump (Speed Bump) - Type 2

Bahan Digunakan	Ukuran	Papan Tanda/ Tandaan Jalan
Asphaltic Premix Wearing Course	Permukaan Bulat (Round-Top) Lebar :1meter (<1.5meter) Tinggi :75mm (at the mid Points and transition at both ends) Jarak :min100m (between bump to bump, min10m from road Junction)	WD50-ROAD BUMP TANDAAN JALAN WARNA KUNING

4.6 Lukisan Piawaian yang dirujuk bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja bonggol oleh jabatan ini adalah JPB/PL1/2018/1 – (*LUKISAN PIAWAIAN BONGGOL*)

4.7 Garis lintang : 600mm setiap satu

4.8 Papan tanda : 35km/j menghampiri bonggol

4.9 Pembinaan bonggol di sesuatu lokasi akan mengambil masa lebih kurang 2 minggu (14 hari) dan proses pembinaan adalah seperti berikut :-

a.	Pemasangan papantanda bonggol	1 hari
b.	Kerja-kerja penandaan jalan garisan kuning (speed bar).	1 ke 2 hari (bergantung kepada keadaan cuaca)
c.	Pembinaan bonggol	1 ke 2 hari (bergantung kepada keadaan cuaca)
d.	Garisan kuning di atas bonggol (yellow line) - Garisan kuning akan dicat selepas bonggol dibina dan mengambil masa 2 ke 3 hari untuk memastikan bonggol betul-betul mengeras.	1 ke 2 hari (bergantung kepada keadaan cuaca)

1.1 Notis amaran atau papantanda pemasangan bonggol akan dipasang terlebih dahulu sebelum sesuatu bonggol dibina. Ini bagi memastikan setiap pengguna mengetahui bahwa bonggol akan dipasang di lokasi tersebut. Ia juga sebagai langkah mengelakkan berlakunya kemalangan.

(SAMBUNGAN)

- 4.10 Notis amaran atau papantanda pemakluman pemasangan bonggol akan dipasang terlebih dahulu
- 4.11 Pemasangan papantanda bonggol dan garisan kuning thermoplastic dijalankan dahulu sebelum membina bonggol bagi mengelak berlakunya kemalangan.
- 4.12 Pemasangan bonggol jalan lebih bergantung kepada sokongan majoriti daripada penduduk di sekitar kawasan taman perumahan yang terlibat bagi mengelakkan aduan seta rungutan dari orang ramai setelah bonggol siap dibina.
- 4.13 Papantanda dipasang di kiri dan kanan bonggol dan untuk penambahbaikan, Jabatan telah mengubah kedudukan papantanda sebelum bonggol bagi memastikan pengguna jalanraya tahu kewujudan bonggol dihadapan mereka.

5.0 SENARAI SEMAK SEBELUM PEMASANGAN BONGGOL

- 5.1 Lakukan kajian trafik bagi mengenalpasti samada laluan tersebut sesuai bagi pemasangan bonggol.
- 5.2 Kuatkuasakan undang-undang dan peraturan berkaitan halaju, revisi jika perlu.
- 5.3 Penyampaian maklumat kesedaran kepada penduduk tentang punca permasalahan halaju dan langkah-langkah penyelesaian.
- 5.4 Pemasangan alat kawalan trafik (regulatory, warning, and guide messages) yang mematuhi peraturan.
- 5.5 Pertimbangkan implikasi perundangan/keselamatan lain.
- 5.6 Jika permasalahan masih belum selesai maka pertimbangkan pembinaan bonggol. Jika rekabentuk, pemasangan dan penyenggaraan baik, maka penggunaan bonggol adalah selamat dan merupakan cara berkesan bagi menyelesaikan masalah ketidakpatuhan halaju

6.0 KEBAIKAN BONGGOL

- 6.1 Kawalan Hadlaju Yang Efektif (Mengurangkan Kelajuan).
- 8.1 Mengurangkan kadar kemalangan
- 8.2 Mengurangkan gangguan bunyi bising daripada kenderaan yang memecut laju.
- 8.3 Meningkatkan keselesaan dan keselamatan setempat kepada penduduk sekitar terutama kepada pejalan kaki dan penunggang basikal.
- 8.4 Ianya adalah sebagai salah satu cara untuk melambatkan dari penguasaan kenderaan.
- 8.5 Memberi ruang (*gap*) dan memberi keselesaan kepada kenderaan yang hendak keluar /masuk dari persimpangan.

7.0 KELEMAHAN BONGGOL

- 7.1 Kenderaan akan mengelakkan bonggol jalan melalui '*sidewalk*' atau menggunakan bahu jalan.
- 7.2 Kenderaan akan menggunakan jalan alternatif untuk mengelakkan bonggol jalan.
- 7.3 Memberi kelengahan kepada kenderaan jenis 'emergency' contohnya ambulans.
- 7.4 Memberi halangan kepada kerja-kerja senggaraan contohnya jentera/mesin pembersihan jalan.
- 7.5 Memberi kesukaran untuk kerja-kerja 'resurfacing' di jalan yang berbonggol.
- 7.6 Mudah berlaku takungan air dan banjir.
- 7.7 Menjejaskan lanskap kawasan terlibat dengan pembinaan papan tanda dan tanda jalan yang pelbagai.
- 7.8 Perlu kerja senggaraan yang kerap bagi mengelakkan berlaku kemalangan disebabkan papan tanda amaran yang kabur dan tanda jalan yang terhakis

8.0 ALTERNATIF LAIN, DI TEMPAT-TEMPAT YANG TIDAK SESUAI DIBINA BONGGOL ADALAH :

- 10.1 "Speed Breakers"
- 10.2 "Rumble Strip"
- 10.3 Tanda amaran had laju
- 10.4 Kaus kaki (Chicane).

9.0 KAUS KAKI (CHICANE)

- 9.1 Kaus Kaki (Chicane) adalah merupakan pesongan mendatar (horizontal deflection features) sebagai alternatif di tempat-tempat yang tidak sesuai dibina bonggol.
- 9.2 Reka bentuk Chicane terbahagi kepada dua kategori :
 - a) Lorong tunggal (Single lane) yang terdiri daripada binaan pesongan(staggered) di sisi jalan yang bertentangan, menyempitkan jalan supaya lalu lintas dari satu arah harus memberi jalan untuk menentang lalu lintas.
 - b) Dua hala, menggunakan binaan untuk menyediakan pesongan, tetapi dengan lorong dipisahkan dengan tanda jalan, atau pulau tengah (central island)

9.3 Kelebihan Chicane

- a) Tidak menyebabkan sebarang ketidakselesaan penumpang kenderaan (berbanding dengan pesongan menegak)
- b) Kebanyakan reka bentuk chicane membolehkan penunggang basikal memintas pesongan mendatar.
- c) Kenderaan kecemasan mungkin dapat bergerak lebih cepat di sekeliling chicane berbanding dengan pesongan menegak

9.4 Kelemahan Chicane

- a) Kenderaan bermotor dengan keutamaan tidak diperlukan untuk mengurangkan kelajuan mereka
- b) Kenderaan bermotor tanpa keutamaan tidak diperlukan untuk mengurangkan kelajuan mereka jika tidak ada kenderaan yang akan datang
- c) Kenderaan bermotor tanpa keutamaan boleh berlumba-lumba dengan keadaan yang enak sebelum kenderaan yang akan datang, atau berpindah dengan bahaya yang berbahaya
- d) Boleh menyebabkan penangguhan yang panjang jika terdapat peningkatan lalu lintas kenderaan
- e) Bas tanpa keutamaan akan mendapati lebih sukar untuk mencari jurang dalam lalu lintas kenderaan dan memandu di sekitar kaus kaki
- f) Sesetengah lalu lintas mungkin akan dipindahkan ke laluan alternatif, yang berpotensi menyebabkan masalah di tempat lain

9.5 Kesan pelaksanaan Chicane

- a) Boleh menyebabkan pengguna jalanraya beralih ke laluan lain
- b) Chicanes boleh menyebabkan bunyi bising dari injin kenderaan kerana banyak kenderaan akan berhenti dan menekan semula pedal untuk meneruskan perjalanan ketika melalui pesongan mendatar chicane.


9.6 Kewajaran dan pertimbangan

- a) Chicanes lebih sesuai digunakan di kawasan taman perumahan yang kurang sibuk dengan kenderaan.
- b) Tidak sesuai untuk jalan utama dan laluan tempatan (local road)

10.0 SUMBER RUJUKAN / AKTA YANG DIGUNAPAKAI

- a) Arahan Teknik (Jalan) 2A, 2B,2C dan 2D/85(JKR);
- b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 133);
- c) Akta Jalan, Perparitan dan Bangunan 1974;
- d) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan 1988;
- e) Akta Perancang Bandar dan Desa 1972
- f) Arahan Teknik Jalan (2D/85), Manual On Traffic Control Devices, Road Marking & Delineation
- g) Traffic Calming Guidelines, Highway Planning Unit, August 2002
- h) REAM – GL 8/2004, Guidelines On Traffic Control And Management Devices, Part 4 (Pavement Marking And Delineation)
- i) Buletin Senggara Fasiliti Jalan, JKR 21601-0005-11, Disember 2011
- j) Lockwood, Ian. (1997). ITE Traffic Calming Definition. ITE Journal, July.
- k) Traffic Management Division, Department for Transport, U.K. Peraturan-Peraturan redaan trafik “(Traffic Calming) Regulations” 1993
- l) (Hanks, J.R. 1997).

LOKASI BONGGOL YANG DICADANGKAN



**Senarai Semak Bagi Permohonan Resmi
Untuk Membina/Membuka Bonggol Jalan (Road Hump) Dan Lain-lain
Perabot Jalan Yang Berkaitan Di Dalam Kawasan Taman Perumahan
Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Lokasi Permohonan : _____

Nama Pemohon : _____

Permohonan resmi hendaklah dikemukakan bersama perkara-perkara dan dokumen-dokumen seperti berikut :

Tandakan (✓) dalam kotak yang disediakan bagi perkara-perkara yang ada disertakan bersama permohonan.

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. Surat Resmi melalui Persatuan Penduduk / Perbadanan Pengurusan(JMB) /MPKK / DII | <input type="checkbox"/> |
| 2. Borang JPB/GPKPB yang diisi dengan lengkap bersama tanda tangan dan Cop dari Pejabat Cawangan DBKL
(<i>kawasan parlimen yang berkenaan</i>) | <input type="checkbox"/> |
| 3. Pernyataan persetujuan majoriti penduduk bersama butiran dan tandatangan yang perlu diisi dalam Lampiran JPB/GPKPB (A) | <input type="checkbox"/> |
| 4. Pastikan disertai bersama Lampiran JPB/GPKPB (B) (Pelan lokasi cadangan membina/membuka bonggol/perabot jalan) | <input type="checkbox"/> |

Perhatian:

Pastikan semua perkara dalam senarai semak di atas lengkap dan tiada yang terkecuali bagi melancarkan proses permohonan.